

Menyanyi sebagai terapi bukan sekadar hobi

profil

Mohd Syazwan Nizam Mohd Moni

Tarikh lahir: 20 April 1989
Akademik:

→ Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dengan Persekitaran UMP

→ Ijazah Sarjana Kejuruteraan Alam Sekitar Universiti Teknologi MARA (UiTM)

→ Pelajar tahun dua Ijazah Kedoktoran

Kejuruteraan Awam dan Sumber Awam UMP

Persembahan nyanyian:

→ Wakil UMP dalam perandingan nyanyian Irama Malaysia

→ Persembahan nyanyian koir di Istana Abu Bakar sempena Hari Keputeraan Sultan Pahang

→ Wakil UMP bagi persembahan nyanyian Selamat Pagi Malaysia Radio Televisyen Malaysia (RTM)



Oleh Siti Syahirah Suhaimi
varsiti@bh.com.my

Kuala Lumpur

Dianugerahkan dengan bakat menyanyi sejak kecil, memberi peluang kepada Mohd Syazwan Nizam Mohd Moni, 28,

untuk bergiat aktif dalam bidang nyanyian di universiti tempat beliau belajar.

Pelajar Ijazah Kedoktoran (PhD) Kejuruteraan Awam di Universiti Malaysia Pahang (UMP) itu berkata, beliau mula

menonjolkan bakat dalam nyanyian beberapa tahun lalu ketika masih belajar pada peringkat Ijazah.

Sejak itu katanya, beliau sering menerima undangan membuat persembahan dalam pelbagai acara rasmi seperti majlis konvokesyen dan program makan malam.

"Genre utama yang selalu saya ketengahkan ialah irama Malaysia dan jaz, namun ada juga yang membuat permintaan untuk saya menyanyikan lagu dalam genre dan bahasa lain.

"Menyanyi bukan

sahaja dijadikan hobi dalam hidup saya, namun sebagai terapi terutama apabila dapat melakukan persembahan yang sangat baik di pentas nyanyian," katanya yang mesra dengan panggilan Nizam.

Tidak abai pelajaran

Walaupun sibuk, namun Nizam tidak pernah mengabaikan pelajaran sebaliknya berusaha gigh membahagikan masa untuk menyiapkan kajian PhD dan berhiat menyanyi.

Katanya, latihan menyanyi hanya selama

beberapa jam bersama pemuzik lain agar tidak mengganggu jadual pengajiannya yang padat.

Nizam yang berucap-cita menjadi penyarah itu berkata, beliau sentiasa meletakkan fokus yang tinggi ketika belajar terutama dalam menyiapkan kajiannya mengenai pengurusan sumber air.

"Tidak salah jika mahasiswa meminati bidang seni dan nyanyian, namun perlu bijak mengisya masa serta mengutamakan pelajaran supaya mampu mencapai cita-cita yang diimpikannya," katanya.



Seniman Agung P Ramlee jadi idola

Kuala Lumpur: Minat lakonan sejak kecil mendorong Mior Ahmad Faiz Ezzakir Ishak, 19, untuk mengasah lagi bakatnya sepanjang pengajian di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA).

Pelajar Diploma Fakulti Teater ASWARA itu, percaya bidang teater memiliki cabaran tersendiri termasuk berkorban masa, sentiasa peka terhadap arahan dan memiliki kreativiti tersendiri dalam membawa sesuatu watak mengikut jalan cerita. Menjadikan Seniman Agung Allahyarham Tan Sri P Ramlee sebagai idola, beliau berkata pelakon teater perlu pandai membawa watak, mimik muka dan cara berpakaian termasuk peralatan di pentas supaya apa yang diceritakan dapat difahami oleh penonton.

"Saya minat hampir semua cerita arahan Allahyarham P Ramlee termasuk *Seniman Bujang Lapok*, *Pendekar Bujang Lapok*, dan *Labu Labu* yang sentiasa menghiburkan penonton dan mempunyai mesej tersendiri dalam setiap filem yang dihasilkan.

Beliau juga berharap dapat mengikut jejak langkah idukanya bagi memastikan industri negara ini setaraf dengan antarabangsa.

profil

Mior Ahmad Faiz Ezzakir Ishak

Tarikh Lahir: 11 Oktober 1998
Tempat Lahir: Pusek Rawatan Islam Kuala Lumpur
Hobi: Menulis puisi dan sajak dengan antarbangsa.